

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB
[TANJONG MANIS]**

TARIKH : 11 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB [TANJONG MANIS] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah menambahkan aset untuk Zon Maritim Tanjong Manis supaya kerja-kerja pemantauan dan penguatkuasaan terhadap pencerobohan oleh nelayan asing dapat dijalankan dengan lebih berkesan lagi.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-pertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Zon Maritim Tanjong Manis adalah terletak dibawah seliaan Maritim Negeri Sarawak. Secara keseluruhannya telah terdapat sebanyak 29 buah aset sedia ada. Daripada jumlah ini terdapat sebanyak 7 aset yang terdiri daripada 3 buah kapal dan 4 buah bot yang akan bertugas secara bergilir-gilir pada setiap hari bagi melaksanakan penguatkuasaan di laut sepanjang zon perairan Sarawak termasuk di Zon Maritim Tanjong Manis bagi mengekang kes pencerobohan nelayan asing.

Selain itu, APMM juga turut menempatkan aset-aset tumpangan terutamanya *Operational Patrol Vessel* (OPV) bagi menyokong pengoperasian di Negeri Sarawak. Kekuatan aset penguatkuasaan maritim di zon Tanjong Manis adalah pada kadar yang optimum pada waktu ini di samping terdapat juga aset-aset dari pelbagai jabatan yang boleh diselaraskan secara bersama dalam pengoperasian penguatkuasaan.